

Dataran Merdeka hingga ke Carcosa Seri Negara jadi Tapak Warisan Kuala Lumpur

Shah Alam: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kawasan Dataran Merdeka sehingga Carcosa Seri Negara akan dijadikan Tapak Warisan Kuala Lumpur.

Anwar berkata Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerangkan mengenai kawasan berkenaan kepada Kabinet semasa mesyuarat Jemaah Menteri pagi kelmarin.

“Pagi tadi (kelmarin) Jemaah Menteri meminta Khazanah dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerangkan mengenai seluruh kawasan bermula dari Dataran Merdeka, Bangunan Sultan Abdul Samad, Keretapi Tanah Melayu sehingga Carcosa Seri Negara untuk dijadikan keseluruhan Tapak Warisan Kuala Lumpur.

“Perlu diingat, pertama kali dalam sejarah, peruntukan bermula dengan angka RM1 bilion yang diusahakan oleh Khazanah untuk kita kekalkan satu Warisan Kuala Lumpur,” katanya ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Cabang, Wanita, Angkatan Muda Keadilan (AMK) Selangor, di sini malam kelmarin.

Anwar, yang juga Menteri Keuangan, berkata beliau sudah menyembah maklum kepada Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, bahawa Bangunan Sultan Abdul Samad perlu di-



Anwar hadir pada Mesyuarat Agung Tahunan Cabang, Wanita, Angkatan Muda Keadilan (AMK) Selangor di Shah Alam, malam kelmarin. (Foto BERNAMA)

kekalkan sebagai tanda Warisan Kesultanan Melayu yang agung.

Dalam hal itu, Presiden PKR turut menampik Perikatan Nasional (PN) yang hanya tahu mengkritik usaha kerajaan seba-

liknya tidak berbuat apa-apa untuk membantu orang Melayu ketika berkuasa.

“Adakah difikirkan Perikatan Nasional pernah memikirkan perkara ini? Jangan sembang soal

Melayu, kamu hanya menghasut Melayu untuk berkuasa tapi bila ada kuasa, bukan fikir soal Melayu sebaliknya bina kekayaan sendiri sahaja,” katanya.

BERNAMA